



**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**  
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,  
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.  
Tel : 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : [fama@fama.gov.my](mailto:fama@fama.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **PENDUDUK JASIN DAPAT SUMBANGAN MAFI PRIHATIN**

**JASIN, MELAKA 17 Julai 2021** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada 426 orang penerima di tujuh lokasi dalam daerah Jasin, Melaka hari ini.

Penyerahan bantuan MAFI Prihatin disampaikan oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, MAFI. Turut hadir, YB Datuk Wira Haji Ghazale bin Muhamad, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka merangkap Ahli Lembaga Pengarah FAMA dan Datuk Zainal Abidin bin Yang Razalli, Ketua Pengarah FAMA.

Penerima sumbangan MAFI Prihatin ini adalah terdiri daripada golongan anak-anak yatim, warga-warga emas, penghuni rumah teduhan kasih, peserta-peserta pasar tani dan ibu-ibu tunggal. Mereka yang mendapat manfaat melalui agihan ini sebanyak 1.5 metrik tan terdiri dari komoditi pisang sabah, terung, kobis bulat dan sayur sawi. Antara penerima sumbangan pada hari ini adalah Tahfiz Simpang Bekoh, Rumah jagaan Orang Tua Berkat, Pusat penjagaan warga emas Seri Manja, Kemunggang, Rumah Tunas Harapan Semarak Kasih, Rumah Teduhan Kasih AADK, penjaja kecil Jasin, Merlimau dan ibu tunggal.

Sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan ini merupakan kesinambungan program MAFI Prihatin yang merupakan inisiatif serampang dua mata di mana dapat membantu petani memasarkan lebih hasil pertanian mereka dan dalam masa sana dapat membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat Covid-19.

Ahmad berkata, sehingga 15 Julai 2021, pelaksanaan MAFI Prihatin melalui FAMA sahaja, ia telah memberi manfaat kepada 23,977 orang yang terdiri daripada frontliners, badan kebajikan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di 104 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 41.7 metrik tan makanan telah disalurkan. Secara keseluruhan, hampir 200 program mafi prihatin telah dilaksanakan oleh pihak MAFI melalui jabatan dan agensi secara kumulatif.

Ahmad juga berkata, selain program MAFI Prihatin, bagi memastikan kelangsungan rantaian bekalan serta pemasaran makanan, MAFI melalui FAMA juga telah mewujudkan 55 buah Pasar Segar Terkawal (PST) yang melibatkan seramai 2,241 usahawan tani di seluruh negara. Bagi tempoh 1 Jun – 15 Julai 2021, nilai jualan PST telah berjaya mencapai sebanyak RM57.95 juta.

Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan PKP Total Lockdown, FAMA telah mewujudkan Bilik Gerakan (*Crisis Management Centre*) yang beroperasi pada pukul 8 pagi hingga 7 malam.

Ini bagi membantu para petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka dengan melayari portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/aduan/index.php>) atau menghubungi talian hotline FAMA di 019-7476754/013-3777100/010-7632684.

#####

**Disediakan oleh:**


**Bahagian Sekretariat dan Korporat FAMA Ibu Pejabat**

**Kementerian Pertanian dan Industri Makanan**


**17 Julai 2021**



**55 LOKASI PASAR SEGAR TERKAWAL (PST):  
PUSAT OPERASI, PASAR TANI KEKAL (PTK), AGROBAZAAR & MY FARM OUTLET (MFO) YANG  
BEROPERASI  
DI SELURUH MALAYSIA DALAM TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 TOTAL LOCKDOWN**



**Rajah 1: Lokasi 55 PST di seluruh Malaysia**



**Rajah 2: Maklumat MAFI Prihatin FAMA**